

NO. SOALAN : 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2015 (RABU)

SOALAN :

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan Kementerian dan Agensi Kerajaan yang terlibat dengan dasar dan pelaksanaan membasmi kemiskinan. Senaraikan kementerian dan agensi berkenaan serta perincikan bajet terkini yang diperuntukkan.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) tumpuan akan diberikan untuk meningkatkan peluang ekonomi dan penyertaan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) bagi memastikan kemakmuran negara dikongsi bersama semua rakyat tanpa mengira gender, etnik, status sosioekonomi dan kedudukan geografi. Strategi akan ditumpukan untuk meningkatkan pendapatan keseluruhan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) ke arah menambah baik kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat yang merupakan pemacu perubahan.

Bagi tujuan tersebut, sembilan (9) buah kementerian dan agensi yang terlibat di dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan isi rumah B40 iaitu:

- (i) Jabatan Perdana Menteri;
- (ii) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah;
- (iii) Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi;
- (iv) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani;
- (v) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
- (vi) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan;
- (vii) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
- (viii) Kementerian Komunikasi dan Multimedia; dan

(ix) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Bagi tahun 2016, sejumlah RM2 bilion telah diperuntukkan untuk melaksanakan projek dan program bagi peningkatan pendapatan isi rumah B40.

Sekian, terima kasih.